



TEKS UCAPAN

**YAB DATUK SERI UTAMA HJ SULAIMAN BIN MD ALI
KETUA MENTERI MELAKA**

SEMPENA

**MAJLIS PENYERAHAN BANTUAN AILDILADHA KEPADA
ASNAF FAKIR MISKIN DAN MUALAF
MAJLIS AGAMA ISLAM MELAKA TAHUN 1443H / 2022M
HARI: 6 JULAI 2022 (RABU), JAM: 3.30 PETANG
DI MASJID AL SULTAN ABDULLAH, MASJID TANAH**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا
مُحَمَّدٍ أَشْرَفِ الْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam Melakaku Maju Jaya, Rakyat
Bahagia, Menggamit Dunia.

Terima kasih saudara pengacara majlis,

YB Datuk Zaidi bin Johari,
Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka;

YB Datuk Abd. Aziz bin Engan,
Penasihat Undang-undang Negeri Melaka;

YB Datuk Salhah binti Saleh,
Pegawai Kewangan Negeri Melaka;

**YBhg. Sahibus Samahah Datuk Wira Hj Abdul Halim
bin Tawil,**
Mufti Kerajaan Negeri Melaka;

YB Datuk Seri Abd Rauf bin Yusof,

EXCO Kanan Pelaburan, Perindustrian, Pembangunan Usahawan dan Koperasi merangkap ADUN Tanjung Bidara;

YBhg. Datuk Wira Hj Md Rawi bin Mahmud,

Timbalan Pengerusi, Majlis Agama Islam Melaka;

YB Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri;

Ketua-ketua Jabatan Negeri dan Persekutuan;

Penghulu- penghulu;

Setiausaha- setiausaha JAPERUN;

Pengerusi- pengerusi JPKK dan Masjid; Tuan-tuan Imam;

Tuan-tuan, puan-puan serta para penerima bantuan asnaf zakat yang dimuliakan Allah sekalian,

MUKADIMAH

1. Alhamdulillah, marilah kita bersama-sama memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah kurnia dan keizinan-Nya, dapat kita semua hadir berkumpul dalam **Majlis Penyerahan Bantuan Aidiladha kepada Asnaf Fakir Miskin dan Mualaf Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) Tahun 2022M / 1443H.**

2. Terlebih dahulu, bagi pihak Kerajaan Negeri Melaka, saya menzahirkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih dan sekalung penghargaan kepada pihak penganjur di atas kesudian mengundang saya ke majlis ini sekali gus menyempurnakan **Majlis Penyerahan Bantuan Aidiladha kepada Asnaf Fakir Miskin dan Mualaf.**

Hadirin dan hadirat yang dirahmati Allah sekalian,

3. Suka saya kongsi juga di sini bahawa sepanjang Bulan Ramadan yang lalu, MAIM telah mengagihkan sejumlah **RM 9,131,966.00 (Ringgit Malaysia Sembilan Juta Satu Ratus Tiga Puluh Satu Ribu Sembilan Ratus Enam Puluh Enam Sahaja)** kepada pelbagai golongan masyarakat Islam di Negeri Melaka dengan beberapa jenis bantuan iaitu :-
- i) Peruntukan Sumbangan Ihya Ramadhan Masjid dan Surau Negeri Melaka
Keseluruhan = RM 1,058,000.00

- ii) Peruntukan Sumbangan Pegawai Syarak
Keseluruhan = RM 185,000.00

- iii) Peruntukan Imbuan Ahli Jawatankuasa Kariah Masjid
Keseluruhan = RM 447,750.00

- iv) Peruntukan Program Taqarub Ramadan
Keseluruhan = RM 82,550.00

- v) Agihan Bantuan Persediaan Ramadan Syawal (Asnaf Fakir, Miskin & Mualaf)
Keseluruhan = RM 6,996,250.00

vi) Tilawah Dunia Melayu Dunia Islam (DMDI)

Keseluruhan = RM 59,070.00

vii) Program Syahrur Ramadan

Keseluruhan = RM 141,346.00

viii) Sumbangan Beras Fidyah (JAPERUN)

Keseluruhan = RM 162,000.00

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

4. Terdapat seramai **10,060** orang penerima bantuan dalam kalangan asnaf fakir miskin dan mualaf di seluruh Negeri Melaka yang telah dikenal pasti untuk menerima Bantuan Aidiladha pada tahun ini. Mereka ini terdiri daripada seramai **204** orang fakir dan **7,856** asnaf miskin dan **2,000** orang Mualaf. Semua penerima tersebut akan menerima pengagihan zakat yang dikendalikan oleh pihak Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) bagi tahun 2022 ini.

5. Untuk makluman semua, keseluruhan peruntukan bagi Bantuan Aidiladha tahun ini adalah sebanyak **RM 3,028,400.00 (Ringgit Malaysia Tiga Juta Dua Puluh Lapan Ribu Empat Ratus Sahaja)**. Alhamdulillah, berkat kutipan zakat yang dicapai pada **tahun 2021** adalah sebanyak **RM106** juta meningkat kepada **RM5.3 juta** berbanding kutipan **tahun 2020** iaitu berjumlah **RM100.7 juta**.

6. Cakna terhadap peningkatan harga barang, pihak MAIM telah bersetuju memberikan Bantuan Aidiladha kepada semua asnaf fakir, miskin dan mualaf serta kenaikan kadar bantuan berbanding tahun-tahun sebelum ini. Oleh yang demikian, Bantuan Aidiladha yang diagihkan seperti kadar berikut :

- i) **Asnaf Fakir** menerima sebanyak **RM400** setiap ketua isi rumah;
- ii) **Asnaf Miskin** menerima sebanyak **RM300** setiap ketua isi rumah;

- iii) Manakala setiap ketua isi rumah **Asnaf Mualaf** akan menerima sebanyak **RM300** seorang.
7. Saya difahamkan, pada hari ini pihak MAIM akan mengagihkan seramai **200 orang** penerima secara tunai manakala selebihnya akan dikreditkan ke akuan masing- masing secara berperingkat. Jumlah keseluruhan yang akan diagihkan oleh pihak MAIM menggunakan **Dana Zakat** di Parlimen Masjid Tanah pada hari ini adalah berjumlah sebanyak **RM60,000.00**.

8. Selain itu. saya juga dimaklumkan, MAIM telah mengadakan majlis penyerahan seumpama ini di Parlimen- parlimen lain sekitar Negeri Melaka seperti tarikh- tarikh berikut :

- i) **Parlimen Kota Melaka** pada 4 Julai 2022 (Isnin);
- ii) **Parlimen Alor Gajah & Parlimen Tangga Batu** pada 5 Julai 2022 (Selasa);
- iii) dan terakhir di **Parlimen Hang Tuah Jaya** dan **Parlimen Jasin** pada 7 Julai 2022 (Khamis).

Sidang hadirin yang dikasihi sekalian,

9. Semoga dengan adanya bantuan-bantuan ini sedikit sebanyak dapat membantu umat Islam yang terkesan dengan pandemik COVID-19 untuk menikmati kemeriahan Aidiladha dengan lebih gembira di samping diharap dapat memperkukuhkan keimanan kita serta mendapat keberkatan Allah S.W.T.

10. Bukan itu sahaja, saya berharap agar usaha pengagihan zakat ini dapat meningkatkan kepercayaan

serta kesedaran umat Islam untuk terus menunaikan kewajipan mereka membayar zakat kepada MAIM.

11. Kita semua sedia maklum bahawa pada hari ini harga barang telah semakin meningkat dan ia telah serba sedikit mengganggu keselesaan rakyat. Namun, kerajaan hari ini akan terus bekerja keras dan berusaha untuk memastikan bahawa semua pihak akan dibela nasib mereka berdasarkan inisiatif-inisiatif Melaka yang memberi tumpuan kepada **3 fokus utama** iaitu :

- 1) Kesejahteraan Rakyat;**
- 2) Kemampuan Ekonomi; dan**
- 3) Kecekapan Tadbir Urus.**

12. Semua ini membuktikan keprihatinan kerajaan yang bertanggungjawab untuk memastikan kesejahteraan hidup masyarakat dan memastikan tiada lagi antara kita yang hidup dalam keadaan serba daif. Kesejahteraan hidup setiap rakyat perlu ditingkatkan bagi membolehkan mereka mengekalkan maruah diri, menikmati kebebasan sebenar dan membangunkan nilai kerohanian masing-masing.

13. Semua usaha ini adalah merupakan berkat daripada keikhlasan dan kepercayaan yang diberikan oleh umat Islam di seluruh Negeri Melaka yang memberi keyakinan penuh kepada Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) untuk menjaga amanah pengagihan zakat di Negeri Melaka.

14. Di kesempatan yang ada ini, saya sekali lagi ingin menyeru agar seluruh masyarakat Islam di seluruh Negeri Melaka dapat melunaskan tanggungjawab membayar zakat kepada **Zakat Melaka** sahaja dan

mengelakkan membuat pengagihan zakat sendiri bagi membolehkan zakat diagih lebih saksama dan adil kepada 8 golongan asnaf yang layak menerimanya.

UCAPAN SELAMAT MENYAMBUT AIDIL ADHA 1443H

15. Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan selamat menyambut Hari Raya Aidiladha yang akan disambut oleh semua umat Islam di Malaysia pada 10 Zulhijjah 1443h bersamaan 10 Julai 2022 ini. Marilah kita berdoa semoga wabak COVID-19 segera diangkat oleh Allah SWT dan situasi semasa akan bertambah baik

bagi membolehkan urusan jemaah haji melaksanakan ibadah Rukun Islam yang ke-5 dengan sempurna.

16. Bukan itu sahaja, saya juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Menyambut Tahun Baru Islam iaitu Awal Muharram yang akan tiba pada 29 Julai 2022 ini. Diharapkan MAIM dan JAIM dapat merangka program-program yang bermanfaat sempena sambutan Hari Kebesaran Umat Islam itu nanti dengan lebih banyak pengisian yang mendekatkan umat Islam kepada agama Allah ini.

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian,

PENUTUP

17. Sebelum mengakhiri ucapan ini, saya sekali lagi merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung khasnya semua pegawai dan kakitangan MAIM yang menjayakan majlis ini. Tentunya tanpa sokongan semua pihak, majlis seumpama ini tidak akan dapat dilaksanakan dengan jayanya.

18. Akhirul kalam, dengan lafaz *Bismillahirrahmanirrahim* saya merasmikan Majlis Penyerahan Bantuan Aidiladha kepada Asnaf Fakir Miskin dan Muafaf Majlis Agama Islam Melaka Tahun 2022M / 1443H bagi Parlimen Masjid Tanah.

Sekian, wabillahitaufik walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

-TAMAT-